



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BENCANA BANJIR
MONSUN TIMUR LAUT
DAERAH ALOR GAJAH
TARIKH : 29 DISEMBER 2021 (RABU)
MASA : 12.30 TENGAH HARI
DI DEWAN SERBAGUNA, PEJABAT DAERAH
DAN TANAH ALOR GAJAH

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia

Terima kasih pengacara majlis;

YB. Dato' Ts. Kamel Bin Mohamad,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB. Tuan VP Shanmugam,
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan
Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri Melaka merangkap
ADUN Gadek;

YB Datuk Zaidi bin Johari,
Pegawai Kewangan Negeri;

Yang Berusaha Encik Saiful Hazwa bin Kipli,
Pegawai Daerah Alor Gajah merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Bencana Daerah Alor Gajah;

YB. Datuk Hameed bin Mytheen Kunju Basheer,
ADUN Ayer Limau;

YB. Tuan Hj Zulkiflee bin Mohd Zin,
ADUN Taboh Naning;

YB. Tuan Zahari bin Abd Kalil,
ADUN Durian Tunggal;

Yang Berusaha Tuan Mohd Hafidz bin Mohd Dain,
Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan) Pejabat Daerah
dan Tanah Alor Gajah;

Penghulu-penghulu DUN;

Penerima-penerima Bantuan Monsun Timur Laut;

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang
dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita berkumpul di majlis pada tengah hari ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana dapat mengadakan **Majlis Penyampaian Sumbangan Bencana Banjir Monsun Timur Laut Daerah Alor Gajah** kepada mangsa-mangsa banjir di Melaka khususnya di daerah Alor Gajah.

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Saya juga merakamkan ucapan takziah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang ditimpa musibah banjir, baru-baru ini dan berasa amat sedih serta bersimpati melihat keadaan tuan-tuan dan puan-puan yang terpaksa berpindah selepas kediaman dinaiki air secara mendadak.

4. Saya akui, bukan mudah untuk berhadapan dengan situasi bencana banjir ini, apabila banyak barang-barang berharga dan harta benda di rumah hilang dan rosak akibat terkena air.

5. Tambah membimbangkan saya adalah ketika berhadapan dengan bencana banjir ini, kita juga masih lagi berhadapan dengan penularan wabak COVID-19 terutama kehadiran varian baharu yang dinamakan Omicron yang didakwa lebih berbahaya. Kita perlu ingat bahawa negeri dan negara kita masih lagi belum bebas sepenuhnya daripada ancaman wabak COVID-19 ini.

6. Oleh itu, suka saya menasihat dan mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian, janganlah kita mengabaikan aspek kesihatan dan keselamatan termasuk Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pandemik COVID-19 yang masih lagi berkuat kuasa.

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Bencana banjir yang melanda Negeri Melaka pada **17 Disember 2021** yang lalu adalah satu fenomena alam yang jarang berlaku. Kejadian banjir tersebut

disebabkan hujan lebat yang tidak berhenti, menyebabkan air melimpah ke kawasan rumah penduduk terutama di kawasan yang rendah. Selain itu, saya difahamkan, Jabatan Meteorologi Malaysia juga telah mengeluarkan amaran hujan berterusan pada tarikh berkenaan.

8. Keadaan banjir yang melanda Negeri Melaka pada kali ini juga disifatkan antara yang terburuk apabila banyak infrastruktur awam seperti jalan raya dan fasiliti lain yang terjejas. Justeru itu, saya telah mengarahkan agensi-agensi yang berkaitan untuk menyegerakan pembaikan ke atas kerosakan-kerosakan tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Saya difahamkan penerima Sumbangan Monsun Timur Laut pada hari ini adalah seramai **215 orang** daripada **7 kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu Ayer Limau, Rembia, Machap Jaya, Gadek, Tanjung Bidara, Taboh Naning dan Durian Tunggal**. Sebagai bukti keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat, pada hari ini, kita menyerahkan **Bantuan Wang Ihsan (BWI)** sebanyak **RM1,000 (Satu Ribu Ringgit)** daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

10. Saya faham, sumbangan ini mungkin tidak dapat menggantikan kerugian yang dialami oleh tuan-tuan dan puan-puan, namun Kerajaan akan terus berusaha untuk membantu dan meringankan bebanan rakyat yang terjejas.

11. Kerajaan Negeri Melaka melalui pelbagai agensi dan jabatan yang berkaitan juga sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan yang sewajarnya. Pada masa yang sama, saya juga menyeru kepada mana-mana organisasi lain untuk turut bersama-sama menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Saya juga amat menggalakkan usaha-usaha dan bantuan daripada pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk kita sama-sama membantu mangsa-mangsa banjir dan golongan yang memerlukan.

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Akhir kata, besar harapan saya agar para penerima sumbangan pada hari ini dapat menggunakan sumbangan tersebut dengan sebaiknya dan saya berdoa semoga urusan tuan-tuan dan puan-puan dipermudahkan oleh Allah SWT jua.

Sekian,

Wabilahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-